



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 11/2022**

**TEKNOLOGI DITEROKAI, NIKMAT ALLAH  
DISYUKURI**

**15 Syaaban 1443 H**

*Bersamaan*

**18 Mac 2022**

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ  
مَنْ يَنْصُرُهُ وَرُسُلَهُ بِالْغَيْبِ إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّيِّبِينَ الطَّاهِرِينَ،  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah kita perteguhkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita sentiasa terpelihara daripada segala perbuatan yang mengundang kemurkaan Allah SWT.

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk:

**“TEKNOLOGI DITEROKAI, NIKMAT ALLAH DISYUKURI”.**

**Hadirin Jemaah yang berbahagia,**

Allah SWT telah menetapkan syariat Islam sebagai asas kejayaan dan jalan kebahagiaan dalam segenap aspek kehidupan manusia. Namun Islam tidak

hanya menganjur umatnya untuk mendalami syariatnya, bahkan untuk mereka menerokai segala bidang ilmu yang bermanfaat, termasuklah sains dan teknologi kejuruteraan.

Sedar atau tidak sedar, sains dan teknologi kejuruteraan yang tulen adalah berpaksikan kepada prinsip-prinsip Sunnah Kauniyyah atau peraturan kejadian yang ditetapkan oleh Allah SWT ke atas makhlukNya. Hasilnya, pelbagai kebenaran dan bukti telah ditemui, menunjukkan kekuasaan dan keagongan Allah SWT, hasil daripada penemuan dan penyelidikan sains dan kejuruteraan yang jujur kepada hakikat kebenaran.

Firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 147:

الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ ۗ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُمْتَرِينَ ﴿١٤٧﴾

**Maksudnya:** Kebenaran itu (wahai Muhammad); adalah datangya dari Tuhanmu; oleh itu jangan sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang yang ragu-ragu.

Sektor sains dan kejuruteraan juga adalah cabang ilmu yang merangkumi penguasaan ilmu dalam penggunaan sumber alam secara berkesan dan efisien bagi tujuan kebaikan dan manfaat kepada manusia sejagat. Secara tidak langsung, ia merupakan satu wadah bagi membantu manusia mensyukuri nikmat penciptaan alam dan memenuhi tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Firman Allah dalam surah Hud, ayat 61:

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوا لَهُ ثُمَّ تَوْبُوا إِلَيْهِ إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُّجِيبٌ



**Maksudnya:** Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadaNya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hamba-Nya.

Rasulullah SAW pula bersabda (yang bermaksud):

“Manusia yang paling dikasihi Allah adalah yang paling banyak memberikan manfaat untuk manusia lain”

(Riwayat Ibnu Abi Dunya)

Lantaran itu, para sarjana dan cendekiawan Islam terdahulu telah banyak membantu kepada perkembangan teknologi dunia. Al-Khawarizmi, Jabir Ibnu Hayyan, Al-Battani, Abdul Rahman Al-Sufi, Abbas Ibnu Firnas, Al-Biruni, Al-Jazari adalah antara nama-nama besar dalam sumbangan teknologi kejuruteraan, astronomi, fizik, aeroangkasa, matematik dan sebagainya.

## **Hadirin sidang jemaah sekalian,**

Perkembangan teknologi dan ledakan kemajuan kejuruteraan pada hari ini pula, berperanan mengubah lanskap kehidupan manusia mengikut arus perubahan zaman, sama ada di daratan, lautan mahupun di udara.

Di sebalik tersergamnya keindahan sesebuah bangunan, seperti masjid, hospital, balai polis, sekolah, universiti, kemudahan fasiliti jambatan, lapangan terbang dan jalan raya, golongan profesion teknikal terus berjuang mencurah keringat idea dan fikiran demi memastikan keselamatan, keselesaan dan juga kemudahan manusia dapat dipertingkatkan.

Pelbagai bidang kejuruteraan lain seperti, automotif, aeroangkasa, penjaan dan pengagihan tenaga, petrokimia, dan lain-lain turut berperanan menyumbang. Walaupun tugas ini amat mencabar, namun ianya terus digalas bagi memenuhi amanah yang ditugaskan, demi kelangsungan ummah dan pembangunan negara.

Sejajar dengan perkembangan global terutamanya ledakan teknologi IR4.0, warga profesion teknikal berperanan penting untuk bersama-sama mengembleng tenaga dan kepakaran ke arah menggerakkan negara dan melangkaui aspirasi rakyat dalam semua bidang pembangunan teknikal seperti kejuruteraan, kesihatan, penyelidikan, pendidikan, Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) dan sebagainya.

## **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Sejarah ketamadunan menjelaskan, walaupun teknologi kejuruteraan dan kepakaran umat terdahulu seperti yang dihasilkan oleh kaum Tsamud, Firaun, Kaum Ad, begitu canggih dan hebat ketika itu sehingga mampu menebuk gunung-gunung yang besar, namun apabila mengingkari perintah Allah SWT, tetap dimusnahkan oleh Allah SWT.

Ingatlah sentiasa, walau secanggih dan sehebat manapun teknologi serta keupayaan manusia, ia tidak akan sesekali dapat melepasi batasan ilmu Allah SWT, Tuhan Yang Maha Mengetahui. Terdapat banyak ayat Al-Quran yang menjelaskan kealpaan dan kedegilan umat-umat terdahulu yang dibinasakan oleh Allah SWT lantaran keingkaran mereka untuk mentaati suruhanNya, bahkan mencabar kekuasaan Allah SWT.

## **Sidang Jumaat yang dikasihi,**

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita renungkan beberapa kesimpulan sebagai panduan kita bersama:

1. Umat Islam hendaklah berupaya menguasai pelbagai kepakaran dan disiplin ilmu ke arah kehidupan yang lebih berkualiti demi kebahagiaan dunia dan Akhirat.
2. Hiasilah kehidupan kita di dunia dengan melakukan perkara yang memberi manfaat kepada semua orang termasuk diri sendiri demi menggapai keredhaan Allah SWT.
3. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa setiap tindakan dan perbuatan akan dibalas dengan adil oleh Allah SWT di akhirat.

4. Umat Islam diingatkan agar jangan mencabar kekuasaan Allah yang boleh mengundang musibah atau malapetaka dengan melakukan pelbagai maksiat dan kemungkaran.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي

عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

**Maksudnya:** Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan buruk mereka, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).

(Surah al-Rum : 41)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ

وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Bersyukur kita ke hadhrat Allah SWT kerana masjid-masjid di Terengganu telah dibuka sepenuhnya walaupun masih perlu menjaga SOP yang digariskan oleh pihak berkuasa. Untuk itu, sukalah mimbar jumaat ini memperingatkan kepada umat muslimin, janganlah kita menjadikan alasan kawalan SOP yang ditetapkan, untuk tidak datang solat Jumaat di masjid. Azan telah dilaungkan, tetapi masih ada yang melepak dan berpeleseran di wakaf, di pantai, di kebun dan lain-lain tempat.

Sidang jumaat sekalian, sampaikanlah pesanan ini kepada mereka yang terlibat. Ajaklah mereka untuk turut serta menunaikan solat Jumaat. Marilah sama-sama datang awal ke masjid.

Kepada jawatankuasa masjid pula, ambillah langkah yang sesuai untuk memberi kemudahan, agar lebih ramai jamaah yang dapat hadir menunaikan solat Jumaat, seperti mendirikan kanopi, tikar, lapik kanvas dan lain-lain sesuai dengan kenyataan media terkini MAIDAM.

Kita berdoa berkat usaha dan ikhtiar kita yang sungguh-sungguh melakukan sehabis mampu meramaikan jamaah, berdasarkan SOP kawalan yang masih ada, semoga Allah memberi keluasan yang lebih banyak kepada kita dalam menunaikan ibadat dan mengimarahkan rumah-Nya.

### Sidang Jumaat yang dirahmati,

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَوَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, pertautkanlah hati kami, perbaikilah hubungan sesama kami, tunjukkan kami jalan-jalan kesejahteraan, selamatkan kami daripada kesesatan, bimbinglah kami menuju kepada kebenaran, jauhkan kami daripada segala keburukan dan kejahatan yang zahir mahupun tersembunyi.

Ya Allah, perkokoyakan kami dengan ilmu pengetahuan, perelokkan kami dengan budi pekerti, muliakan kami dengan ketakwaan, dan hiasilah kami dengan kesihatan yang baik.

Ya Allah, berkati dan rahmatilah kehidupan, keluarga dan keturunan kami. Terimalah taubat kami, sesungguhnya Engkau yang Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang. Jadikanlah kami orang-orang yang bersyukur akan nikmat-Mu, penyanjung nikmat-Mu, penerima kurniaan nikmat-Mu, dan sempurnakanlah nikmat-Mu kepada kami.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَأَشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللهُ.